



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**NASIHAT BUAT PEMIMPIN:  
KHALIFAH UMAR BIN ABDUL AZIZ CONTOH TELADAN**

**Tarikh Dibaca :**

**30 RABIULAKHIR 1444H/  
26 NOVEMBER 2022M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

### NASIHAT BUAT PEMIMPIN:

### KHALIFAH UMAR BIN ABDUL AZIZ CONTOH TELADAN

26 NOVEMBER 2022 / 30 RABIULAKHIR 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ

وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual-bual atau bermain telefon. Perkara ini ditegaskan melalui hadis dalam Sunan Abi Daud daripada Ali RA, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمْعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

**Maksudnya:** “Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”. (Hadis riwayat Abu Daud)

Tajuk khutbah pada hari ini ialah: “**Nasihat Buat Pemimpin: Khalifah Umar bin Abdul Aziz Contoh Teladan**”.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid dan melaksanakan *amar ma’ruf* dan *nahi munkar* serta teguh memelihara silaturrahim. Semoga dengan kukuhnya persaudaraan dan kesatuan umat Islam akan menambahkan lagi kekuatan dan menjemput keberkatan dari Allah SWT. Selain itu, khatib ingin mengingatkan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan berlakunya bencana. Sentiasa peka dan cakna terhadap sebarang pengumuman dan amaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Mudah-mudahan Allah SWT melindungi dan menjauhkan kita dari sebarang bala bencana.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Alhamdulillah, kita telah selesai melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang warganegara untuk memilih kepimpinan baharu negara dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15 pada minggu lepas. Buat pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat negara ini, sekalung tahniah diucapkan atas pemilihan. Ketahuilah bahawa, pemilihan sebagai seorang pemimpin ini bukanlah suatu kebanggaan tetapi merupakan suatu amanah yang cukup berat untuk dipikul dan semestinya untuk dijawab di hadapan Allah SWT sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri RA, Baginda SAW memberi peringatan buat para pemimpin:

إِنَّ أَحَبَّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَقْرَبَهُمْ مِنْهُ مَجْلِسًا إِمَامٌ عَادِلٌ وَإِنَّ  
أَبْغَضَ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَشَدَّهُ عَذَابًا إِمَامٌ جَائِرٌ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya manusia yang paling dicintai Allah SWT dan paling dekat tempat duduknya pada hari kiamat adalah pemimpin yang adil, sedangkan manusia paling dibenci oleh Allah dan paling jauh tempat duduknya adalah pemimpin yang zalim”. (Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)

Manakala bagi kita sebagai rakyat pula, boleh jadi ada dalam kalangan pemimpin yang kita sukai tidak terpilih, usahlah bersedih atau berduka kerana ini merupakan perjalanan sebuah demokrasi negara berdaulat yang memerlukan kita sebagai rakyat untuk menumpahkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap kepimpinan negara. Sesungguhnya setiap kerajaan yang dipilih mesti menyedari bahawa hakikat kekuasaan itu milik Allah SWT yang memberi kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Marilah kita menjadikan ayat al-Quran dalam Surah ali Imran ayat 26 yang dibaca pada awal khutbah tadi sebagai ingatan kita bersama:

*“Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Menjadi seorang pemimpin bukanlah suatu keistimewaan tetapi panggilan tersebut sebenarnya lebih terarah kepada beban amanah dan tanggungjawab. Pemimpin yang telah dipilih memikul amanah bertanggungjawab untuk menjalankan setiap amanah yang telah diberikan kepadanya dengan sebaik-baiknya. Hal ini kerana, setiap yang dilakukan oleh seseorang pemimpin ketika di dunia, akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz merupakan salah satu Khalifah yang unggul dalam sejarah pemerintahan kerajaan Islam patut menjadi contoh kepada pemimpin terutamanya yang beragama Islam. Khalifah Umar ternyata terlalu sedih dan gelisah dengan beban tanggungjawab yang dipikulnya sesudah dilantik menjadi Khalifah selepas kemangkatan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik. Selesai menunaikan solat, beliau berdoa dan menangis. Beliau mengadu kepada isterinya tentang keresahan beliau mengenangkan beban untuk menguruskan umat Nabi Muhammad SAW. Katanya, *“Aku terfikir tentang nasib orang faqir dan miskin yang kelaparan, orang sakit yang terlantar, orang yang*

*tidak berpakaian, orang yang teraniaya, orang asing yang menjadi tawanan perang, orang tua, keluarga yang memiliki anak yang ramai tetapi hartanya sedikit dan orang lain seperti mereka yang terdapat di seluruh pelosok negeri. Aku mengenang bagaimana Tuhanku akan menanyakan dan memintaku bertanggungjawab ke atas mereka semua pada hari kiamat kelak. Aku takut jika aku tidak dapat memberikan keteranganku”.*

Khalifah Umar tidak menerima kenderaan yang telah diperuntukkan khas untuknya bahkan beliau menjual semua kenderaan tersebut dan wang hasil jualan itu disumbangkan kepada Baitulmal, Beliau juga turut melatih ahli keluarganya supaya turut *zuhud* sepertinya. Anak beliau sendiri memakai pakaian yang terlalu sederhana; meskipun bersih tetapi koyak, walaupun pada hari raya.

Kezuhudan Khalifah Umar bin Abdul Aziz ini sememangnya sangat luar biasa dan memerlukan *mujahadah* dan ketakwaan yang sangat tinggi untuk diteladani. Teguhnya beliau menjaga amanah dan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang pemimpin didasari atas dasar keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT hingga menjadikan rakyatnya hidup dalam aman damai dan kaya. Beliau juga menyedari hakikat bahawa setiap tanggungjawabnya itu akan dipersoalkan di akhirat kelak dan menginsafi azab seksa Allah SWT yang sangat dahsyat kepada pemimpin yang mencuaikan amanahnya.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Buat para pemimpin, begitulah nasihat yang suka untuk khatib sampaikan buat pedoman dan peringatan sepanjang masa. Maka keteladanan yang telah ditunjukkan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz perlu menjadi panduan dan ikutan dalam mewujudkan sebuah negara yang diberkati seiring dengan pembangunannya secara holistik. Semoga ia juga menjadi motivasi buat para pemimpin sekalian dalam menjalankan amanah dengan adil dan saksama tanpa mengira agama, bangsa, latar belakang dan fahaman kepartian atau apa-apa jua yang boleh menghilangkan rasa hormat apatah lagi taat setia setiap rakyat yang telah memilih kepemimpinan hari ini. Manakala bagi seluruh rakyat pula, kekal tenang dalam menghadapi apa jua situasi hari ini. Kita bertanggungjawab menumpahkan taat setia kepada kepimpinan yang telah dipilih. Selain itu juga, seluruh rakyat perlu meningkatkan rasa kasih sayang, saling menghormati antara satu sama lain

walau berbeza fikrah. Tinggalkanlah budaya kutuk-mengutuk, tuduh-menuduh, serta prasangka buruk antara satu sama lain kerana tumpuan utama kita sekarang ialah untuk sama-sama membangunkan negara secara seluruhnya bagi mendepani masa depan yang lebih mencabar.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim.

عَنْ أَبِي رُقَيْةَ تَمِيمِ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الدِّينُ  
النَّصِيحَةُ . قُلْنَا مَنْ قَالَ : لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ .

**Maksudnya:** *Dari Abu Ruqayyah Tamim al-Daary RA, bahawasanya Nabi SAW bersabda: Agama itu nasihat. Kami pun bertanya: Untuk siapa (nasihat itu)? Baginda menjawab: Nasihat itu ialah untuk Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya, imam-imam (pemimpin) kaum muslimin dan seluruh muslimin (rakyatnya)".*

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menegaskan beberapa perkara sebagai panduan kita bersama:

**Pertama:** Buat sekalian pemimpin, jalankanlah amanah yang telah diberikan dengan sebaik-baiknya. Teladanilah Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang telah berjaya menunjukkan salah satu contoh kepemimpinan yang unggul dan terbaik.

**Kedua:** Buat seluruh rakyat, taatilah kepimpinan yang telah dilantik ini. Berikanlah ruang dan kepercayaan kepada mereka untuk menjalankan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Bersikap matang dan tingkatkanlah semangat saling menghormati antara satu sama lain supaya kehidupan kita menjadi lebih tenteram dan harmoni.

**Ketiga:** Marilah bersama-sama kita berdoa agar para pemimpin di negara ini diberikan *inayah* dan *hidayah* dalam mengurus tadbir negara dengan baik. Semoga negara kita Malaysia yang tercinta ini diberikan rahmat dan keberkatan oleh Allah SWT dan memelihara kita semua daripada segala musibah serta bala bencana.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa' ayat 58:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا

بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa Melihat*”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ  
 الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى  
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَأَرْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضِ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ اِيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيْقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ  
مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوْكَ بَكِيْنِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِكُوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللّٰهِ رِعَايَةَ الدِّيْنِ  
المُّصْطَفَى بِاللّٰهِ شَاهِ ابْنِ المَرْحُوْمِ سُلْطَانَ حَاجِ اَحْمَدِ شَاهِ المُسْتَعِيْنِ بِاللّٰهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوْكَ بَكِيْنِدَا رَاجِ فَرْمَايسُوْرِي اِكُوْغْ،  
تَوْنُوْكَ حَاجَهُ عَزِيْزَهُ اَمِيْنَهُ مِيْمُوْنَهُ اِسْكَندَرِيَهْ بِنْتِ المَرْحُوْمِ المْتُوَكَّلِ عَلَيَّ اللّٰهُ سُلْطَانَ  
اِسْكَندَرِ الحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ المُّؤْمِنِيْنَ وَالمُّؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بِلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ المُسْلِمِيْنَ.

اللَّهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،  
وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ المُسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِ كَلِمَتَكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالمُنْكَرَ وَالمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بِلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بِلَدَانِ المُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلَيَّ كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيْرٌ. اللَّهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالجُنُوْنِ، وَالجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْاَسْقَامِ، يَا  
اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya),

dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ﴾

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.